

**MESYUARAT KETIGA, PENGGAL KEDUA,
PARLIMEN KEEMPAT BELAS
PEMBERITAHUAN PERTANYAAN
DEWAN RAKYAT MALAYSIA**

PERTANYAAN : BUKAN LISAN

DARIPADA : DATUK ABD RAHIM BIN BAKRI [KUDAT]

SOALAN

minta **MENTERI PEMBANGUNAN LUAR BANDAR** menyatakan bilakah Kementerian akan melaksanakan projek Bekalan Air Luar Bandar (BALB) sistem agihan dan retikulasi daerah Pitas, Sabah yang telah ditawarkan kepada kontraktor. Berapakah kos projek ini dan berapakah bilangan isi rumah yang dijangka menerima faedah dan adakah Jabatan Air Daerah Pitas mempunyai kapasiti untuk membekalkan air secukupnya selepas sistem retikulasi ini dilaksanakan memandangkan pada ketika ini berlaku kekerapan ketiadaan bekalan air bersih di daerah Pitas.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

1. Untuk makluman Yang Berhormat, Projek Bekalan Air Luar Bandar (BALB) Sistem Agihan dan Retikulasi Daerah Pitas, Sabah yang telah diluluskan dengan anggaran kos kerja RM96 juta masih diperingkat lantikan perunding. Projek ini melibatkan pemasangan rangkaian paip agihan dan retikulasi pelbagai saiz dengan anggaran panjang 90km serta pembinaan tangki simpanan dan rumah pam. Lantikan perunding dijangka selesai dalam suku keempat (Q4) tahun 2019. Seterusnya, projek ini akan melalui fasa rekabentuk terperinci,

NO. SOALAN : 489

makmal pengurusan nilai, makmal kejuruteraan nilai dan tender yang dijangka akan dilaksanakan pada suku pertama (Q1) tahun 2021. Projek ini dijangka siap pada tahun 2023. Projek ini akan memberi manfaat bekalan air bersih dan terawat kepada anggaran 4,700 buah rumah yang melibatkan anggaran 23,500 bilangan isi rumah.

2. Untuk makluman Yang Berhormat jua, bagi memastikan kapasiti air yang mencukupi, Kementerian ini sedang melaksanakan Projek Pembinaan Loji Rawatan Air Ke-2 Pitas, Sabah dengan kos kerja berjumlah RM37.8 juta. Status semasa pelaksanaan projek ini adalah diperingkat kerja-kerja awalan di tapak. Skop pelaksanaan bagi projek ini melibatkan pembinaan muka sauk (*intake*) dan loji rawatan air dengan kapasiti 10 Juta Liter Sehari (JLH). Projek ini dijangka siap sepenuhnya pada 22 Mei 2021.